

# **DIALOG BELIA:**

**Kesukarelawan dan Memperkasa Pemimpin Muda Belia**

**BERSAMA YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI  
PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL 'AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH**

**DEWAN DIGADONG,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**HARI KHAMIS  
16 RABIULAWAL 1433 / 9 FEBRUARI 2012  
PUKUL: 9:00 PAGI**

*Bahagian Belia,  
Jabatan Belia dan Sukan,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

**FOKUS TOPIK:**  
**'KESUKARELAWAN DAN MEMPERKASA KEPIMPINAN MUDA BELIA'**

**Dialog Belia** ini dijangka akan dihadiri oleh lebih kurang 200 belia berumur antara 15 hingga 35 tahun terdiri dari agensi kerajaan dan swasta yang relevan, persatuan-persatuan belia dan sukan peringkat kebangsaan, kelab-kelab belia, institusi pengajian tinggi, Majlis Pelajar dan individu yang terlibat dengan sukarelawan.

Fokus Tajuk dialog pada kali ini ialah '**Kesukarelawan dan Memperkasa Kepimpinan Muda Belia**'.

**Kesukarelawan**

Menyentuh tentang kesukarelawan sebagai topik perbincangan dialog merujuk kepada keperluan tenaga sukarelawan belia yang sering diperlukan di pelbagai peringkat sebagai salah satu mekanisme atau penggerak pembangunan belia di sektor kerajaan mahupun NGOs. Selain itu, dalam rangka menggalakkan penyertaan golongan belia dalam pembangunan belia maka inisiatif dan peranan golongan itu sendiri seharusnya diutamakan.

Namun, kesukarelawan masih belum diangkat sepenuhnya menjadi perkara asas dan penting bagi lapisan golongan masyarakat untuk ditangani secara sistematik dan konsisten. Masih terdapat golongan besar belia yang kurang memahami dan menyedari kepentingan kesukarelawan dari sudut pengertian dan implikasinya.

Kesukarelawan kini menjadi satu subjek yang semakin mendapat perhatian kerana impaknya terhadap kehidupan bermasyarakat sama ada masyarakat itu sendiri mahupun belia individu. Kesukarelawan dalam pembangunan belia turut merangkumi perkara-perkara seperti mendidik dan mempersiapkan belia untuk menjadi sukarelawan yang beriltizam, komited dan sistematik tanpa mengharapkan ganjaran berbentuk kewangan mahupun material. Menjadi sukarelawan dengan memberikan khidmat bantu untuk disumbang atau dikongsi seperti tenaga fizikal, kemahiran, pengalaman, pengetahuan dan sebagainya.

**Memperkasa Kepimpinan Muda Belia**

Dari satu sudut, kesukarelawan dan kepimpinan merupakan dua bidang penting untuk difahami sebagai persiapan dan usaha pemantapan diri agar golongan belia mampu memainkan peranan sebagai aset penting negara dan pemimpin di masa hadapan.

Dua bidang ini berkait antara satu dengan lain kerana kesukarelawan memberikan belia pendedahan kepada aneka kepimpinan dengan mengetahui aspek-aspek penting pengurusan, kepimpinan, masyarakat dan sebagainya. Penglibatan belia dalam kesukarelawan turut melatih diri menjadi pemimpin dalam kelompok belia dan juga komuniti setempat sama ada melalui pertubuhan, jawatankuasa atau kegiatan.

**Kesimpulannya**, melalui dialog ini adalah dihasrat untuk membuka minda agar belia-belia dapat melibatkan diri dalam bidang kesukarelawan, kerana ianya telah jelas bahawa penglibatan belia amat perlu dilaksanakan dan perlu diberi galakan yang berpanjangan.

***Sebarang pertanyaan boleh menghubungi:***

Bahagian Belia  
Jabatan Belia dan Sukan  
Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Spg: 336-17, Jalan Kebangsaan  
Berakas, BC 3915  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Telefon: 2381903/4/5, 2382911 / 2380664/7/8  
Faksimili: 2381524 [Belia], 2380042 [Pengarah]